

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 16 SEPTEMBER 2015 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Pembenihan awan di Sarawak, Semenanjung Malaysia	Utusan Malaysia
2	Operasi pembenihan awan dijalankan selamat 10 hari di Sarawak	Utusan Malaysia
3	Hujan lebat tak ubah keadaan	Harian Metro
4	Jerebu di sekitar perairan negara	Harian Metro
5	Najib: Take precautionary measures	New Straits Times
6	34 areas declared unhealthy	The Star
7	Dense haze mars plans	The Star
8	More cloud seeding operations	New Straits Times
9	Cloud seeding is not the answer	The Star
10	Tangani peningkatan kawasan titik panas	Utusan Malaysia
11	Sekolah tutup jika IPU melebihi 200	Utusan Malaysia
12	Jerebu: pembenihan awan tiga hari mulai hari ini	Bernamea.com
13	Operasi pembenihan awan di Sarawak mulai hari ini hingga 25 Sept	Bernamea.com
14	Pembenihan awan hasilkan hujan di beberapa kawasan di semenanjung	Bernamea.com
15	Jerebu: empat lagi kawasan catat penurunan bacaan IPU ke kategori sederhana	Bernamea.com
16	10 kawasan catat penurunan bacaan IPU kepada sederhana setakat 11 malam	Bernamea.com
17	Kawasan catat IPU tidak sihat menurun kepada 15 setakat 9 pagi	Bernamea.com
18	Bandaraya Melaka, 11 lagi kawasan masih catat IPU tidak sihat	Bernamea.com
19	Bukit Rambai, Melaka kawasan terbaharu catat bacaan IPU tidak sihat	Bernamea.com
20	Lapangan terbang Kerteh ditutup sementara akibat jerebu	Bernamea.com

21	Pembenihan awan di empangan Sungai Layang, Lebam diharap stabilkan paras air – MB Johor	Bernamea.com
22	Gempa bumi kuat landa laut Maluku utara, tiada ancaman tsunami di Malaysia – Jabatan Meteorologi	Bernamea.com
23	UPKO alu-alukan komitmen PM mengenai penurunan kuasa kepada Sabah, Sarawak	Bernamea.com
24	1MDB kesan cubaan palsukan emel	Bernamea.com

# Pembenihan awan di Sarawak, Semenanjung Malaysia

**PUTRAJAYA 15 Sept.** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOS-TI) melalui agensinya MetMalaysia dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan mula melaksanakan operasi pembenihan awan di kawasan yang mengalami jerebu teruk.

Menterinya, Datuk Madius Tangau berkata, pembenihan yang bermula hari ini memberi tumpuan di kawasan tengah dan selatan Semenanjung dan Sarawak.

Menurutnya, lokasi sebenar dan bilangan operasi pembenihan awan yang bakal dijalankan bergantung kepada tiga faktor utama iaitu keadaan atmosfera yang sesuai, kewujudan awan jenis *Towering Cumulus* dan udara yang lembab dengan kandungan wap air tinggi.

“Setelah semua faktor ini diambil kira, barulah kerja-kerja pembenihan awan dapat dilaksanakan. Saya berharap agar usaha ini berjaya dan seterusnya mengurangkan keadaan jerebu di kawasan-kawasan terlibat,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Madius, sebarang perkembangan mengenai keadaan cuaca akan dimaklumkan kepada pihak berwajib demi kepentingan orang ramai.

Untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi talian hotline 1-300-22-1MET atau 1-300-22-1638 atau melayari laman sesawang MetMalaysia iaitu <http://www.met.gov.my>, selain laman sosial Facebook MetMalaysia di Facebook dan Twitter:malaysiamet.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 04**  
**TARIKH: 16 SEPTEMBER 2015 (RABU)**

## Operasi pembenihan awan dijalankan selama 10 hari di Sarawak

**KUCHING 15 Sept.** - Operasi pembenihan awan di negeri ini akan berlangsung selama 10 hari bermula hari ini sehingga 25 September.

Walau bagaimanapun, keadaan awan yang tidak kelihatan dengan jerebu yang tebal menyebabkan pembenihan awan tidak dapat dijalankan hari ini.

Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sarawak, Shalihin Annuar berkata, operasi tersebut digerakkan setelah Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan diaktifkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan permohonan telah dibuat kepada Jabatan Meteorologi untuk menjalankan operasi pembenihan awan.

"Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menyediakan sebuah pe-

sawat Hercules C130 bersama 17 anggota bagi operasi pembenihan awan di negeri ini.

"Pembenihan awan akan dibuat di Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Sarikei. Di Simunjan juga akan dibuat bagi membantu Jabatan Kerja Raya (JKR) meningkatkan paras air di kawasan tadahannya ekoran tekanan air yang rendah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar berhubung Pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan di Sarawak di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Kuching, hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Meteorologi Sarawak, Loh Eng Kee dan Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Me-

jar Ismail Maliedin.

Dalam pada itu, Shalihin memberitahu, Jabatan Kesihatan negeri mendapati terdapat peningkatan sebanyak 30 peratus pesakit menghidapi penyakit berkaitan jerebu di Kuching dan Samarahan.

"Kita menasihatkan orang ramai agar menggunakan penutup hidung dan mulut semasa berada di luar rumah, mengurangkan aktiviti luar dan minum air yang mencukupi," ujarnya.

Sementara itu, Eng Kee berkata, keadaan berjerebu dijangka berlarutan sehingga minggu hadapan.

"Keadaan cuaca pula diramalkan panas dengan kadar hujan turun yang sedikit dari Sibuhingga ke Kuching," ujarnya.

